



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

BERHUBUNG INSIDEN KEMALANGAN HELIKOPTER SEMASA LATIH AMAL PELBAGAI HALA PENGESANAN SEKURITI NUKLEAR, MALAYSIA-INDONESIA- THAILAND-SINGAPURA 2025 (MITSATOM 2025)

JOHOR BAHRU, 10 JULAI 2025 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ingin memaklumkan bahawa satu insiden kemalangan melibatkan sebuah helikopter milik Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah berlaku pada jam 10.25 pagi ini berhampiran Jeti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Gelang Patah, Johor Bahru, Johor.

Insiden ini berlaku sewaktu latihan amal MITSATOM 2025 yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia) bersama PDRM dan APMM. Pasukan penyelamat yang turut berada di lokasi telah bertindak pantas menyelamatkan mangsa kejadian sejurus selepas insiden berlaku. Kesemua **lima (5) kru penerbangan telah berjaya diselamatkan dan sedang menerima rawatan.**

Siasatan terperinci sedang dijalankan oleh pihak berkuasa bagi mengenal pasti punca insiden. MOSTI komited untuk memberikan kerjasama penuh kepada siasatan yang dijalankan serta memastikan semua aspek keselamatan diteliti secara menyeluruh. MOSTI akan terus memantau perkembangan situasi ini dan akan memaklumkan sebarang perkembangan lanjut dari semasa ke semasa.

MOSTI memohon orang ramai agar tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh mengganggu proses siasatan. MOSTI ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menyelamatkan dan memberikan bantuan segera di lokasi insiden.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
10 JULAI 2025

